

# Prosedur kehamilan perlu rujuk pakar

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menjelaskan tiada halangan bagi khunsa beragama Islam menjalani proses kehamilan dan melahirkan anak jika saranan pakar dan kaedah tidak bertentangan akidah agama Islam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Mustapha, berkata dari segi agama Islam, golongan ini diberikan pilihan untuk memiliki zuriat sendiri bagi meneruskan keturunannya selagi tidak menjasaskan kesihatan dan risiko lain.

Katanya, golongan khunsa yang memiliki dua alat kelamin, sama ada kedua-duanya di luaran atau satu daripadanya organ dalaman berfungsi, perlu merujuk prosedur selamat mengikut nasihat pakar.

“Hukum memberi pilihan kepada golongan istimewa ini dengan nasihat doktor untuk memilih satu ciri yang dominan iaitu sama ada lelaki atau perempuan.

“Tiada diskriminasi dalam agama kerana setiap ciptaan Allah adalah istimewa dan tiada pengecualian. Bagi kes khunsa, rujukan pakar adalah



*“Bagi kes khunsa, rujukan pakar adalah perlu bagi mengelakkan kejadian tidak diingini sepanjang prosedur berkenaan dilakukan”*

**Othman Mustapha**  
Ketua Pengarah JAKIM

perlu bagi mengelakkan kejadian tidak diingini sepanjang prosedur berkenaan dilakukan,” katanya kepada BH.

## Kurang normal

Beliau mengulas laporan eksklusif BH mengenai lelaki khunsa yang memiliki rahim mampu mengandung dan melahirkan bayi.

Golongan ini memiliki kromosom XY tetapi akibat mu-

tasi pada profil kromosom Y, keadaan fizikal mereka menjadi seperti perempuan, mempunyai rahim yang kurang normal dan ovarи yang tidak berfungsi.

Dalam pada itu, pakar sakit puhan Fakulti Perubatan dan Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Dr Habibah Abdul Hamid, berkata khunsa lelaki dengan kromosom XY mempunyai kedua-dua organ pembiakan iaitu ovarи dan testis.

“Disebabkan kromosom Y tidak berfungsi secara sempurna, organ dalaman peranakan adalah seperti wanita yang mana membolehkannya melahirkan zuriat. Selalunya mereka dibesarkan sebagai wanita dan ada dibesarkan sebagai lelaki mengikut naluri dan persekitaran seseorang itu dibesarkan.

## Sukar mengandung

“Kes khunsa yang ingin mengandung dan dirujuk ke pakar amat sedikit kerana kebanyakan mereka dirujuk atas alasan transgender atau masalah keceluaran gender. Kebanyakan khunsa amat sukar untuk mengandung kecuali khunsa yang memiliki organ pembiakan dalaman yang lengkap.

“Pada masa ini, kes sedemikian adalah terpencil kerana golongan ini tidak merujuk kepada pakar atas faktor kurangnya kesedaran, pendidikan dan persepsi masyarakat. Kebanyakan mereka tidak tahu saluran betul yang boleh membantu mereka menjalani kehidupan dan masa depan lebih baik,” katanya.